



# ARAHAN YAB PM SIRI 2 BIL 1 TAHUN 2019

Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional

**2004**

**Pelan Integriti  
Nasional  
(PIN)**

**2010**

**Program  
Transformasi  
Kerajaan  
(GTP) 1.0**

**2012**

**Program  
Transformasi  
Kerajaan  
(GTP) 2.0**

**2019 - 2023**

**Pelan  
Antirasuah  
Nasional  
(NACP)**

**Episod agenda pencegahan rasuah di Malaysia**

# **Aspirasi Nasional**

Malaysia dikenali kerana integriti  
dan bukannya rasuah.

**Arahan ini dikeluarkan sebagai panduan bagi semua pihak dalam pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dan dalam pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)**

# Objektif NACP (Perkara 3.1)

Objektif NACP dalam pemantapan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan adalah untuk:


menyediakan halatuju dan kerangka tindakan pencegahan rasuah yang berstruktur dan jelas;

mewujudkan sinergi antara pelbagai agensi dalam memaksimakan penggunaan pelbagai sumber dan idea

meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan dalam proses pentadbiran Kerajaan

meningkatkan imej negara sebagai sebuah negara yang bebas rasuah dan berintegriti.

# Mengenalpasti Champion kepada NACP



Intipati penting dalam  
Arahan YAB PM Siri 2 No. 1 Bil 1 Tahun 2019 No. 1 Tahun 2018

**Perkara 3. Objektif NACP**

**Perkara 5. Pengurusan NACP**

- 5.1 Pelaksanaan NACP
- 5.2 Tadbir Urus NACP
- 5.3 Pemantauan dan Penilaian NACP
- 5.4 Pelaporan

**Perkara 4. Peranan dan Tanggungjawab  
Menteri/Menteri Besar/Ketua Menteri**

**Perkara 6. Pengurusan OACP**

- 6.1 Keperluan Pembangunan OACP
- 6.2 Pembangunan OACP
- 6.3 Pelaksanaan dan Pemantauan OACP
- 6.4 Semakan Semula dan Pembaharuan OACP

# **PELAN ANTIRASUAH NASIONAL**

**2019 - 2023**

---

**6**

Bidang  
keutamaan

**6**

Strategi

**17**

Objektif  
Strategik

**115**

Inisiatif

# Kerangka Pelan Antirasuah Nasional (NACP)

VIS		Ke Arah Negara Bebas Rasuah				
MISI	Menegakkan Kedaulatan Undang-Undang	Meningkatkan Kecekapan, Ketelusan dan Akauntabiliti Kerajaan Berdasarkan Tadbir Urus Baik		Mewujudkan Persekutuan Perniagaan Yang Bersih		
MATLAMAT	Akauntabiliti dan Kredibiliti Kehakiman, Pendakwaan dan Agensi Penguatkuasa Undang-undang	Kecekapan dan Responsif dalam Penyampaian Perkhidmatan		Integriti dalam perniagaan		
BIDANG KEUTAMAAN	Tadbir Urus Politik	Sektor Pentadbiran Awam	Perolehan Awam	Perundangan dan Kehakiman	Penguatkuasaan Undang-Undang	Tadbir Urus Korporat
STRATEGI	Memperkuuh Akauntabiliti dan Integriti Politik	Memperkuuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan	Mempertingkat Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan awam	Mempertingkat kredibiliti sistem perundangan dan kehakiman	Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang	Memupuk tadbir urus baik dalam entiti korporat

# Strategi 1 - 6

<b>Perkara</b>	<b>Pernyataan Strategi</b>	<b>Objektif Strategik</b>	<b>Jumlah Inisiatif dalam NACP</b>
STRATEGI 1	Memperkuuh Akauntabiliti dan Integriti Politik	4	35
STRATEGI 2	Memperkuuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan	4	31
STRATEGI 3	Mempertingkat Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam	2	16
STRATEGI 4	Mempertingkat Kredibiliti Sistem Perundangan dan Kehakiman	1	6
STRATEGI 5	Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang	4	17
STRATEGI 6	Memupuk Tadbir Urus Baik dalam Entiti Korporat	2	10
<b>115 inisiatif</b>			

22

inisiatif yang diberi  
keutamaan

# Peranan Dan Tanggungjawab Menteri / Menteri Besar / Ketua Menteri

## (Perkara 4)

- 4.1 menjadi peneraju kepada setiap inisiatif yang ditetapkan dalam NACP mengikut portfolio dan bidang kuasa masing-masing;
- 4.2 memastikan setiap Ketua Setiausaha, Setiausaha Kerajaan Negeri, ketua jabatan dan ketua agensi melaksanakan inisiatif NACP di bawah portfolio masing-masing dilaksanakan sebagaimana ditetapkan;
- 4.3 mengemukakan sebarang cadangan dan penambahbaikan kepada inisiatif NACP sedia ada atau baharu sesuai dengan keperluan dan kehendak negara;
- 4.4 menjadi *role model* kepada agensi dan masyarakat dalam melaksanakan dan mematuhi setiap inisiatif yang telah dikuatkuasakan;
- 4.5 menyebarluas inisiatif NACP dan usaha pencegahan rasuah yang telah dan akan dilaksanakan masyarakat umum; dan
- 4.6 memperjuang serta memastikan agar pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) sentiasa berterusan dan mampan dalam apa juu keadaan.

# Pengurusan NACP (Perkara 5)

## Perkara 5.1 : Pelaksanaan NACP

Dalam melaksanakan Pelan Antirasuah Nasional – *National Anti-Corruption Plan* (NACP), setiap Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri, ketua jabatan dan ketua agensi hendaklah:

- 5.1.1 menerajui pelaksanaan bagi setiap inisiatif yang telah dinyatakan dalam NACP;
- 5.1.2 memastikan setiap inisiatif yang berkaitan dilaksana dan direalisasikan mengikut tempoh sasaran yang telah ditetapkan;
- 5.1.3 melaksanakan koordinasi dan keterlibatan bersama kementerian, jabatan, agensi, mana - mana organisasi berkaitan Kerajaan, swasta, pertubuhan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan bagi memastikan setiap inisiatif yang bersifat generik dapat diselesaikan dengan lebih berkesan;
- 5.1.4 menyebarluas pelaksanaan dan keperluan pematuhan setiap inisiatif NACP kepada semua warga dan pihak berkaitan di kementerian, jabatan dan agensi masing-masing; dan
- 5.1.5 menguatkuasakan setiap inisiatif atau dasar yang terhasil daripada NACP kepada semua peringkat yang berkaitan

# Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi

**Inisiatif 2.1.5 :**

**Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 menggariskan  
keperluan pembangunan OACP di sektor awam**

# Pengurusan OACP (Perkara 6)

## Perkara 6.1 : Keperluan Pembangunan OACP

- 6.1.1 Pelan Antirasuah Organisasi – *Organisational Anti-Corruption Plan* (OACP) adalah merupakan satu dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi.
- 6.1.2 Pembangunan OACP merupakan salah satu inisiatif mandatori di bawah “Strategi 2: Memperkuatkukan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam” di dalam NACP.
- 6.1.3 Sehubungan itu, setiap kementerian, jabatan, agensi, dan kerajaan negeri hendaklah membangunkan OACP diperingkat organisasi masing-masing berkuatkuasa daripada tarikh NACP dan Arahan ini dikeluarkan.

## Pengurusan OACP (Perkara 6)

- 6.1.4 OACP hendaklah dibangunkan dengan mendapatkan khidmat daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan juga Institut Integriti Malaysia (*dan juga boleh mendapatkan khidmat Resource Person NACP yang telah mengikuti siri Bengkel Training of Trainers (TOT) bagi Resource Person NACP yang telah dikendalikan oleh pihak GIACC, Jabatan Perdana Menteri*).
- 6.1.5 Ruang lingkup pelaksanaan OACP hendaklah merangkumi aspek governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi serta melibatkan semua bidang dan aktiviti yang ada di dalam organisasi.


## Pengurusan OACP (Perkara 6)

- 6.1.6 Penyelarasan pembangunan dan pelaksanaan OACP hendaklah dipertanggungjawabkan kepada ketua jabatan dengan diselaraskan oleh Unit Integriti kementerian, jabatan atau agensi (jika ada) atau mana-mana bahagian, cawangan atau unit yang mengendalikan aspek governans, integriti dan antirasuah. Bahagian, Cawangan atau Unit berkenaan hendaklah juga bertindak sebagai sekretariat penyelaras OACP yang berperanan memantau, menilai dan melapor pencapaian OACP.
- 6.1.7 Tempoh pelaksanaan OACP hendaklah antara tiga tahun atau lima tahun dan tidak semestinya perlu seiring dengan tempoh pelaksanaan NACP.

## Pengurusan OACP (Perkara 6)

- 6.1.8 Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) peringkat kementerian, jabatan, agensi atau kerajaan negeri hendaklah berfungsi sebagai mekanisme tertinggi yang menerima laporan, membincangkan, membuat keputusan dan memantau pelaksanaan OACP, melainkan terdapat isu bersifat generik yang perlu diselesaikan pada peringkat yang lebih tinggi.

# Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi



*- Sekian -*